

ULASAN PERUNDANGAN

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SELANGOR) 2015 (ENAKMEN 15): SUATU ULASAN MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

Siti Mashitoh Mahamood
mas68@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

PENDAHULUAN

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15) (selepas ini disebut EWS 2015) diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 17 Ogos 2015 menerusi [P. U. Sel. (ADV) GUB(R)06/09] dan mendapat perkenan diraja daripada DYMM Sultan *Sharafuddin Idris Shah* al-Haj selaku ketua agama Islam bagi negeri Selangor pada 30 September 2015. Enakmen tersebut mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 2015 berdasarkan tarikh penyiaran warta Kerajaan Negeri Selangor. Penerbitan EWS 2015 ini pula dibuat menurut fasal (4) perkara LXXVIII bahagian kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor.

EWS 2015 ini mengandungi 49 seksyen, 10 bahagian dan 1 jadual yang memansuhkan statut terdahulu, iaitu Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No. 7 Tahun 1999) (selepas ini disebut EWS 1999). EWS 2015 antara lain menjelaskan bidang kuasa Majlis Agama Islam Selangor (selepas ini disebut MAIS) dengan Perbadanan Wakaf Selangor (selepas ini disebut PWS), di samping memasukkan beberapa peruntukan baharu yang belum dikanunkan sebelum ini dalam EWS 1999, serta terdapat peruntukan yang dimansuhkan. Di samping itu, terdapat beberapa pindaan dibuat bagi menambah baik peruntukan dan juga struktur ayat sedia ada di

bawah EWS 1999, khususnya yang disesuaikan dengan keperluan beberapa statut sedia ada, di samping penggubalan beberapa statut baharu seperti Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952), Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003), dan lain-lain.

Kewujudan undang-undang wakaf yang khusus seperti EWS dalam bentuknya yang berasingan daripada EPAIN (Enakmen ibu) sangat diperlukan bagi memberikan panduan yang jelas dan sah kepada para pentadbir wakaf, pihak pengamal undang-undang, serta masyarakat termasuklah pewakaf dan benefisiarinya. Penggubalannya juga memperuntukkan secara jelas perkara substantif yang berkaitan dengan hukum syarak, di samping menyentuh hal pentadbiran dan pengurusan wakaf di Selangor. Sehingga kini hanya terdapat beberapa negeri sahaja yang sudah mempunyai statut wakafnya yang khusus seperti Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5), Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Enakmen 2) dan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen 9).

TAFSIRAN WAKAF

Tafsiran wakaf dalam EWS 1999 yang asal dipinda dengan menjadikannya dalam bentuk perenggan dan lebih mudah difahami dengan menambah wakaf fizikal *mawquf*, manfaat atau kepentingan wakaf, serta wakaf perkhidmatan dan kepakaran yang mempunyai nilai menurut hukum syarak. Tafsiran tersebut disesuaikan berdasarkan tafsiran “harta” yang turut dipinda dengan merujuk kategori harta yang boleh diwakafkan.

Penambahan kategori wakaf perkhidmatan dan kepakaran yang dinyatakan dalam seksyen 2(1) EWS 2015 adalah seperti yang berikut:

“wakaf” ertinya—

.....



- (c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya,”

Penambahan tersebut selaras dengan hukum syarak kerana perkhidmatan dan kepakaran yang bermanfaat diiktiraf sebagai harta dalam perundangan Islam, lebih-lebih lagi dipraktikkan di beberapa buah universiti wakaf di Malaysia. Contohnya, pensyarah yang berkhidmat dalam bidang kepakarannya turut menjadi pemeriksa tesis calon Ijazah Sarjana mahupun Ijazah Kedoktoran secara suka rela dan tidak mengambil bayaran honorarium yang layak dibayar kepadanya, malah menjadikannya sebagai suatu wakaf.

Berdasarkan kajian wakaf yang dilaksanakan didapati amalan tersebut telah lama diamalkan pada zaman kegemilangan Islam yang lampau dan kini turut dipraktikkan di negara Islam Nusantara. Oleh itu, pengkanunan kategori wakaf berkaitan dengan perkhidmatan dan kepakaran sangat relevan untuk menjadikannya sebagai suatu amalan yang sah dan berdasarkan peruntukan undang-undang yang jelas selaras dengan kesedaran berwakaf yang semakin berkembang dari semasa ke semasa.

TAFSIRAN *MARAD AL-MAUT*

Selain tafsiran wakaf yang dipinda, terdapat satu lagi tafsiran yang signifikan dalam seksyen 2(1) EWS 2015, iaitu berkaitan dengan *marad al-maut*. Tafsiran *marad al-maut* ini dinyatakan sebagai “suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat yang berikut:

- (a) penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
- (b) penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian di dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran;
- (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
- (d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun”.

Tafsiran *marad al-maut* ini penting kerana berkaitan dengan



peruntukan Bahagian VII EWS 2015 tentang Wakaf Secara Wasiat yang melibatkan antara lain, perwakafan ketika *marad al-maut*.

Tafsiran *marad al-maut* yang dipinda melibatkan penambahbaikan struktur ayat yang ada sebelum ini dalam EWS 1999. Selain itu, terdapat tafsiran baharu yang dibuat dalam EWS 2015 yang mengambil kira tahap minda pihak pembuat transaksi, iaitu transaksi wakaf. Dalam konteks ini merujuk penghakiman kes *Mahdi bin Ab. Hamid lwn Mohamad Iqwan bin Yahaya* yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor pada 29 Mei 2015 (Kes Saman No. 10400-044-0171-2009).

Syarat *marad al-maut* dalam perenggan (a) EWS 1999 dipinda daripada “penyakit itu mestilah menyebabkan kematian si mati” kepada “penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian” seperti yang diperuntukkan dalam EWS 2015 kerana meskipun seseorang yang mengalami *marad al-maut* berada dalam keadaan sakit pada tahap yang serius dan boleh membawa kematian, namun tidak semestinya kematiannya kerana penyakit tersebut. Sebagai contoh, seseorang yang mengalami kanser tahap empat mungkin mati kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya, bukannya disebabkan oleh kanser yang dialaminya (tertakluk pada laporan forensik atau perubatan si mati). Oleh sebab itu, peruntukan “lazimnya berakhir dengan kematian” lebih tepat digunakan dalam enakmen tersebut. Dalam konteks tahap minda pesakit bagi *marad al-maut* ini pula, perenggan (b) dalam EWS 1999 dipinda daripada “penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda si mati” kepada “penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran” seperti yang dikanunkan dalam EWS 2015. Pindaan ini juga dibuat bagi menggantikan perkataan “si mati” kepada “pesakit”. Perkara yang paling penting, tambahan frasa “sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran” perlu dikanunkan dalam peruntukan EWS 2015 kerana sesuatu wakaf yang dibuat dalam situasi pewakaf berada dalam keadaan *marad al-maut* sehingga sampai ke tahap yang boleh menjejaskan kewarasan akal fikirannya akan memberikan kesan kepada takat pelaksanaan wakaf tersebut, sama ada dibuat kepada waris ataupun bukan warisnya. Hal ini dinyatakan dalam



seksyen 31(2) yang menyatakan bahawa “Jika *waqif* berada dalam keadaan *marad al-maut*, dia tidak boleh membuat wakaf kepada warisnya, kecuali dengan persetujuan semua waris.” Seksyen 32(2) pula memperuntukkan “Jika *waqif* berada dalam keadaan *marad al-maut*, dia tidak boleh membuat wakaf kepada bukan warisnya lebih daripada satu pertiga hartanya, kecuali dengan persetujuan semua waris”.

Peruntukan seksyen 31(2) membawa maksud bahawa jika pewakaf berada dalam keadaan *marad al-maut*, dia tidak boleh berwakaf kepada warisnya kerana wakaf dalam situasi ini memakai hukum wasiat. Sesuatu wasiat tidak boleh dibuat kepada ahli waris, kecuali jika dibenarkan oleh ahli waris yang lain, iaitu mereka yang layak memperoleh bahagian dalam harta pusaka si mati pada ketika itu. Seksyen 32(2) pula bererti jika pewakaf berada dalam keadaan *marad al-maut*, dia tidak boleh berwakaf kepada bukan warisnya lebih daripada satu pertiga hartanya, kecuali dengan persetujuan semua waris lain dalam kategori yang sama di atas. Jelasnya kedudukan wakaf tersebut memakai hukum wasiat dalam Islam.

Untuk melaksanakan peruntukan tersebut, rujukan perlu dibuat terhadap tafsiran *marad al-maut* terlebih dahulu. Keadaan ini bermakna, halangan dan batasan wakaf dalam kedua-dua keadaan yang disebutkan dalam seksyen 31(2) dan 32(2) tidak secara automatik terpakai apabila seseorang pewakaf mengalami sakit *marad al-maut* dalam erti kata yang lazim difahami sahaja, malah untuk menjadikannya suatu rujukan yang tepat lagi komprehensif, minda si pesakit perlu sampai ke tahap sehingga boleh menjejaskan kewarasan akal fikirannya. Jika tidak, status transaksi yang dibuat tidak perlu menggunakan hukum wasiat. Malah, seseorang pewakaf yang berada dalam keadaan normal dan sihat boleh mewakafkan hartanya kepada waris atau bukan warisnya mengikut kadar atau takat yang dikehendaki.

Atas dasar inilah, maka Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor dalam penghakiman kes *Mahdi bin Ab. Hamid lwn Iqwan bin Yahaya* menyatakan bahawa walaupun si mati mengalami strok sehingga ditahan di wad, namun mahkamah tidak mendapati adanya keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat kecacatan pada akal si mati semasa



hibah dibuat. Oleh itu, mahkamah mensabitkan hibah yang dibuat kepada defendan oleh si mati dalam keadaan waras dan sedar.

Meskipun kes tersebut berkaitan dengan permohonan membatalkan atau mengetepikan hibah, namun isi utama kes ini berkaitan dengan status dan tahap minda seseorang yang mengalami sakit *marad al-maut*. Walaupun mahkamah merujuk tafsiran *marad al-maut* seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 2(1) EWS 1999, namun mahkamah seterusnya membuat semakan lanjut dalam kitab *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Juzuk 4, (1989:133 – 134) yang mengambil nas daripada perkara 1595 *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*. Semakan menemukan satu fakta penting tentang keperluan memastikan tahap minda pesakit *marad al-maut* perlu sampai ke tahap yang boleh menjejaskan kewarasan akal fikiran seseorang yang bertransaksi untuk menghalangnya daripada melakukan transaksi tanpa syarat dan batasan. Atas dasar inilah, maka tambahan “sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran” dibuat pada perenggan (b) yang diperuntukkan dalam seksyen 2(1) EWS 2015.

Selanjutnya EWS 2015 juga membuat tambahan dengan mewujudkan perenggan (d) bagi memasukkan tempoh masa penyakit *marad al-maut*, iaitu “penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun” kerana EWS 1999 tidak mempunyai peruntukan tentang tempoh tersebut. Perenggan (d) dalam seksyen 2(1) EWS 2015 penting kerana jika sakit tenat yang dialami melebihi tempoh setahun, maka pesakit tersebut dianggap tidak lagi tertakluk di bawah kategori *marad al-maut* sehingga pelaksanaan yang disebutkan dalam seksyen 31(2) dan 32(2) terpakai.

KEDUDUKAN PERBADANAN WAKAF SELANGOR DAN PEMANSUHAN JAWATANKUASA PENGURUSAN WAKAF

Antara peruntukan terbaru yang dikanunkan dalam EWS berkaitan dengan kuasa Perbadanan Wakaf Selangor yang ditubuhkan melalui Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 (Sel. P. U. termasuklah 8/2011) yang Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 diperkenankan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor



pada 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Februari 2011.

Perbadanan Wakaf Selangor ditubuhkan ekoran titah DYMM Tuanku Sultan Selangor supaya pengurusan wakaf dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat kerana terdapat institusi khusus yang menguruskan zakat di Selangor, iaitu Lembaga Zakat Selangor yang sebelumnya dikendalikan di bawah Pusat Zakat Selangor. Kedua-dua badan ini berjaya menjadikan pengurusan zakat lebih efektif sehingga kutipan dan agihan dana zakat dapat dilaksanakan dengan baik dan profesional.

Secara umumnya, kewajipan mengurus, mentadbir dan memajukan wakaf diserahkan kepada Perbadanan Wakaf Selangor bagi pihak MAIS selaras dengan keputusan dasar yang dibuat oleh mesyuarat MAIS. Sebelum EWS 2015 diperkenalkan, kuasa menjalankan pengurusan wakaf diserahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Wakaf. Dengan adanya peruntukan yang berkaitan dengan Perbadanan Wakaf Selangor dalam EWS 2015, maka kedudukan dan kuasa Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dimansuhkan.

Dari sudut perbezaan kuasa antara MAIS dengan Perbadanan Wakaf Selangor pula, didapati tugas menetapkan polisi dipegang oleh MAIS, manakala kuasa melaksanakannya terletak pada tanggungjawab Perbadanan Wakaf Selangor. Namun, mengikut seksyen 8(1) EWS 2015, kuasa Perbadanan Wakaf Selangor bersifat perwakilan MAIS dan tertakluk pada syarat dan sekatan yang dikenakan oleh MAIS. Pelaksanaannya juga tertakluk pada kawalan dan arahan MAIS (seksyen 8(2)). Perbadanan Wakaf Selangor juga bertanggungjawab melaporkan semua tindakan dan perkara yang dilakukannya seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8(3).

Walau apa-apa pun kuasa Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS kekal sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang diwujudkan di Selangor. Peruntukan yang dikanunkan berkaitan dengan Perbadanan Wakaf Selangor ini sangat penting kerana dapat memperuntukkan dengan jelas kuasa antara MAIS dengan Perbadanan Wakaf Selangor, sekali gus meringankan tanggungjawab MAIS dalam urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf di Selangor.

KUASA MAIS SEBAGAI PEMEGANG AMANAH TUNGGAL DAN KEBENARAN PIHAK LAIN MENGURUSKAN WAKAF



Seksyen 4(1) EWS 2015 memperuntukkan kuasa MAIS sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf di Selangor yang selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 1 Tahun 2003). Pada hakikatnya, semua negeri di Malaysia memperuntukkan perkara yang sama dalam statut pentadbiran undang-undang Islam ataupun statut wakaf negeri masing-masing.

Peruntukan seksyen 4 EWS 2015 menyatakan bahawa:

4. (1) Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak dalam negeri Selangor dan hendaklah mempunyai kuasa untuk—

(a) mewujudkan Perbadanan;

(b) melantik atau memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya; dan

(c) mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan yang mana *waqif* telah pun melantik pentadbir atau pengurusnya sendiri tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mana-mana pengurus atau pentadbir yang dilantik di bawah perenggan (b) dan (c) hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Majlis boleh menarik balik pengiktirafan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh *waqif* yang pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat sedemikian.

(4) Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah enakmen ini.

Jelasnya, peruntukan baharu yang ditambah semasa penggubalan EWS 2015 adalah berkaitan dengan pengiktirafan secara perundangan yang diberikan kepada pihak lain, selain MAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor menguruskan harta wakaf di Selangor. Peruntukan seksyen 4(b) memberikan kuasa kepada MAIS untuk melantik atau



memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya. Peruntukan ini menghendaki mana-mana pihak yang mahu mentadbir dan menguruskan suatu wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas, supaya terlebih dahulu memohon kebenaran daripada MAIS. Oleh itu, sebarang bentuk pengurusan tanpa mendapatkan kebenaran yang sewajarnya daripada pihak MAIS merupakan suatu tindakan yang tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang yang dikanunkan.

Malah, satu peruntukan baharu di bawah seksyen 45 digubal bagi menguatkuasakan kesan akibat tinggalkan perlakuan tak sah. Pihak yang tidak mematuhi peruntukan yang dikanunkan didapati melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pada masa ini terdapat pihak yang menjalankan aktiviti tak sah berkaitan dengan wakaf seperti menganjurkan jualan dan kutipan beberapa produk wakaf, antaranya wakaf kaki, wakaf tunai dan saham wakaf kerana pelaksanaannya dibuat tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri, contohnya MAIS di Selangor. Keghairahan sesuatu institusi untuk mendapatkan dana bagi beberapa tujuan kebajikan kadang-kadang tidak disertai dengan semakan perundangan yang teliti sehingga tujuan asal yang murni boleh mengakibatkan suatu kesalahan yang boleh didakwa dan disabitkan hukuman.

Terdapat pihak yang enggan melalui proses perundangan kerana prosesnya yang rumit dan syarat yang kurang disenangi dalam operasi wakaf yang dijalankan. Pada hakikatnya, pihak majlis agama Islam negeri berhak mengenakan syarat sama ada menerusi pemeteraian *Memorandum of Understanding* (MoU) atau *Memorandum of Agreement* (MoA) ataupun hanya diletakkan sebagai *Terms of Reference* (ToR) atau terma rujukan apabila memberikan kebenaran melaksanakan wakaf kepada mana-mana pihak kerana tanggungjawab sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) berat dan perlu dipertanggungjawabkan. Pihak majlis agama Islam negeri tidak boleh menjadikan kuasa tersebut sebagai



suatu keistimewaan tetapi sebaliknya menjadikannya sebagai suatu amanah yang perlu direalisasikan secara telus dan bijaksana.

Dari sudut legaliti perundangan Islam, majlis agama Islam negeri dianggap sebagai nazir yang berperanan memantau kesemua aktiviti dan pelaksanaan wakaf yang dibuat oleh mana-mana pihak di negeri masing-masing. Pihak yang mendapat kebenaran untuk menguruskan wakaf pula berada di bawah kategori pengurus atau pentadbir wakaf yang dikenali sebagai *mutawalli*. Malah, dari sudut kerangka perundangan Islam dalam wakaf, pihak agen boleh dilantik bagi melaksanakan tugas sesuatu wakaf yang dikenali sebagai *qayyim*. Oleh itu, peruntukan baharu yang dibuat dalam EWS 2015 bukan setakat dikategorikan di bawah siasah perundangan semata-mata, malah bersifat harmoni dengan ketetapan syariah.

Peruntukan seksyen 4(c) pula memberikan kuasa kepada MAIS untuk mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan *waqif* telah pun melantik pentadbir atau pengurusnya tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh MAIS. Peruntukan tersebut mengambil kira prinsip perundangan Islam dalam wakaf bahawa *syart al-waqif ka nass al-syari`* yang bermaksud “suatu syarat yang ditetapkan oleh seseorang pewakaf adalah seperti suatu ketetapan syarak”. Prinsip ini menghendaki pentadbir wakaf mematuhi apa-apa syarat yang ditentukan oleh pewakaf selagi tidak bertentangan dengan syarak.

Dalam konteks seksyen 4(c), MAIS boleh memberikan pengiktirafan kepada mana-mana pihak yang dinamakan oleh pewakaf bagi mentadbir atau mengurus wakafnya tetapi tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan oleh MAIS. Seseorang pewakaf kadangkala lebih mempercayai seseorang yang dikenali, khususnya dalam kalangan kaum kerabatnya untuk mengendalikan wakaf yang dibuat. Peruntukan ini dapat memberikan pertimbangan terhadap sesuatu penamaan yang dinyatakan oleh pewakaf pada awal pewakafannya, terutama apabila dimasukkan ke dalam surat cara wakaf (*waqf deed*) yang disempurnakan olehnya.

PELETAKAN HAK MAWQUF

Seksyen 5(1) EWS 2015 memperuntukkan bahawa “semua *mawquf*



yang diwujudkan di bawah enakmen ini hendaklah terletak hak pada majlis”. Peruntukan tersebut bermaksud apabila sesuatu wakaf sempurna dibuat, maka harta yang diwakafkan, iaitu *mawquf* terletak hak secara automatik kepada MAIS tanpa apa-apa pemindahan hak, penyerahan hak, atau pemindahmilikan hak, sama ada melibatkan harta alih ataupun harta tak alih. Peruntukan ini dipinda dengan tidak memasukkan keperluan pendaftaran bagi harta tak alih mengikut Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) seperti yang diperuntukkan dalam EWS 1999.

Pindaan peruntukan bagi peletakan hak dalam EWS 2015 dilihat tepat dengan perundangan Islam kerana sesuatu wakaf boleh berkuat kuasa setelah semua keperluan asasnya dipenuhi. Malah, Imam Abu Yusuf, menurut mazhab Hanafi berpandangan bahawa sesuatu wakaf boleh terus berkuat kuasa hanya melalui *sighah* (lafaz) dan wakaf yang dibuat kerana pendaftaran merupakan salah satu aspek pentadbiran, walhal sesuatu wakaf yang sudah disempurnakan rukun dan syaratnya sudah dianggap sah dan boleh dikuatkuasakan. Tambahan pula, proses pendaftaran menyebabkan berlakunya selang masa (*time lapse*) yang menjadi syarat peletakan hak *mawquf* MAIS, dan kuasa kawalan tidak dapat dilaksanakan oleh MAIS terhadap pengurusan *mawquf* selagi penyerahan hak masih belum diserahkan oleh MAIS. Keadaan ini mendedahkan *mawquf* kepada pemilikan tak wajar atau pengurusan tak sah, selain pencerobohan aspek lainnya.

Dari sudut pemakaian Kanun Tanah Negara pula, pada hakikatnya seksyen 4(2)(e) kanun ini telah pun mengecualikan pemakaiannya terhadap sebarang undang-undang yang berkuat kuasa tentang wakaf. Oleh itu, pindaan yang dibuat terhadap seksyen 5(1) EWS 2015 merupakan suatu tindakan yang sah dan tidak boleh dipersoalkan lagi kerana peruntukan yang terkandung dalam EWS 2015 mengatasi Kanun Tanah Negara.

HALANGAN DARIPADA TRANSAKSI DAN PEWARISAN *MAWQUF*

Peruntukan seksyen 13(2) EWS 2015 berkaitan dengan halangan



sesuatu *mawquf* daripada terlibat dalam sebarang transaksi yang boleh menghilangkan fizikal dan manfaat harta yang diwakafkan yang dinyatakan sebagai:

Mawquf yang telah mula berkuat kuasa tidak boleh dijual, diberikan sebagai hibah atau diwarisi oleh mana-mana orang. Peruntukan ini penting kerana wakaf bersifat kekal untuk manfaat benefisiari dan tujuan yang dinyatakan. Suatu *mawquf* juga tidak boleh diwarisi apabila pewakafnya meninggal dunia kerana dianggap terletak hak kepada pemilikan Allah SWT. Oleh sebab itu, peruntukan ini dibuat kerana *mawquf* tidak boleh diwarisi. Seksyen 13(2) ini sebenarnya telah ada dalam peruntukan EWS 1999, iaitu seksyen 4(2), namun halangan kuasa transaksi “tidak boleh dijual, diberikan sebagai hibah...” hanya dihadkan kepada *waqif* atau pewakaf semata-mata. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa “sesuatu wakaf yang telah berkuat kuasa, tidak boleh dijual atau dihibahkan oleh *waqif* atau diwarisi oleh mana-mana orang”.

Pindaan yang dibuat dalam seksyen 13(2) EWS 2015 telah membuang perkataan “oleh *waqif*” kerana selain *waqif* atau pewakaf, pihak lain juga berkemungkinan boleh menyelewengkan pemilikan *mawquf* dengan melakukan transaksi tak wajar (menjual dan menghibahkan *mawquf*) seperti yang dilakukan oleh para waris apabila pewakafnya meninggal dunia. Situasi ini boleh berlaku apabila pegangan milikan yang diwakafkan tidak dipindah milik mengikut undang-undang menerusi pindahan nama dalam geran milikan *mawquf* kepada tujuan wakaf semasa hidup pewakaf. Pewakaf hanya mewakafkan hartanya secara lisan (*verbal*) sahaja tanpa mendokumentasikannya dengan sempurna. Oleh sebab itu, peruntukan seksyen 13(2) yang meminda peruntukan asal EWS 1999 perlu dilaksanakan.

JENIS MAWQUF

Beberapa peruntukan baharu yang dibuat dalam seksyen (21) (22) dan (23) EWS 2015 memperuntukkan jenis harta yang boleh diwakafkan (produk wakaf) yang melibatkan wakaf tunai dan



wakaf saham. Selain itu, peruntukan saham wakaf yang terdapat dalam EWS 1999 juga dibuat pindaan dalam EWS 2015 dengan memperuntukkan kuasa penawaran dan pengurusannya kepada Perbadanan Wakaf Selangor selaras dengan polisi MAIS seperti yang disebutkan sebelum ini. Kuasa pengurusan wakaf tunai dan wakaf saham juga berada di bawah tanggungjawab Perbadanan Wakaf Selangor.

Saham wakaf berbeza daripada wakaf saham kerana saham wakaf ialah produk pertama yang melibatkan penawaran pembelian saham yang dipecahkan kepada unit kecil berdasarkan nilai tertentu yang ditetapkan kepada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi bagi apa-apa harta yang diperoleh atau yang akan diperoleh oleh MAIS untuk saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepadanya (MAIS).

Wakaf saham pula, melibatkan perwakafan bahagian harta sedia ada yang dimiliki pewakaf seperti saham, bon, sukuk atau surat cara sebagai jaminan berharga, termasuklah manfaat yang terhasil daripada saham tersebut dengan syarat perniagaan atau pelaburan yang dijalankan selaras dengan hukum syarak.

Sementara itu, wakaf tunai pula melibatkan perwakafan wang tunai, nilai emas atau yang seumpama dengannya daripada mana-mana orang untuk apa-apa juga tujuan wakaf. Berdasarkan amalan semasa di Malaysia, jenis wakaf di bawah kategori ini memerlukan proses selanjutnya bagi maksud mengekalkan fizikal harta yang diwakafkan seperti menukarkannya dengan pembelian aset kekal, dan sebagainya.

Peruntukan tersebut menjadi panduan kepada masyarakat untuk berwakaf dan bukan setakat menggunakan harta tak alih sahaja yang sudah pasti tinggi harganya, malah boleh melaksanakannya dengan wang tunai dan pembelian unit saham yang dipecahkan kepada nilai yang kecil sehingga ramai yang mampu membeli dan seterusnya mewakafkannya.

WAKAF SECARA WASIAT

Antara peruntukan dalam EWS 2015 termasuklah pewujudan satu



bahagian khusus tentang wakaf secara berwasiat dalam Bahagian VII EWS 2015 yang melibatkan seksyen 31 – 35 yang berkaitan dengan wakaf kepada waris dan bukan waris, wakaf secara wasiat, kadar wakaf secara wasiat dan juga wakaf secara wasiat yang tidak dilaksanakan. Peruntukan berkaitan dengan tanggungjawab wasi (*executor*) juga dinyatakan dengan jelas.

EWS 1999 sebelum ini ada memperuntukkan wakaf taklik yang turut meliputi sesuatu wakaf yang dibuat untuk berkuat kuasa selepas kematian waqif yang hanya menjadi sah setakat satu pertiga daripada hartanya sahaja. Wakaf ini berkonsepkan wasiat, namun peruntukan yang dibuat terlalu ringkas dan tidak meliputi keseluruhan konsep wakaf secara berwasiat ataupun dikenali sebagai *al-waqf bi al-wasiyyah*.

Peruntukan seksyen 31 – 35 EWS 2015 sangat penting kerana terdapat masyarakat yang bertindak mewakafkan harta mereka ketika berada dalam keadaan *marad al-maut* ataupun mengaitkan perwakafan yang dibuat dengan kematian mereka dan kedua-dua situasi ini membawa hukum wasiat. Dalam konteks wakaf yang dikaitkan dengan kematian, ungkapan yang sering didengar seperti, “Apabila aku mati nanti, hartaku ini diwakafkan ...” atau perkataan lain yang membawa maksud seumpamanya. Jika *sighah* seperti ini berlaku, para waris atau wasinya tidak boleh terus mengagihkan harta si mati mengikut takat yang dinyatakan oleh pewakaf (pewasiat), kecuali harta si mati tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah harta peninggalan si mati setelah ditolak hutang dan apa-apa tanggungan mengikut hukum syarak. Jika berlaku lebih daripada takat satu pertiga, wasiat tersebut tidak boleh dilaksanakan, kecuali setelah mendapat persetujuan daripada semua waris yang berhak terhadap harta pusaka si mati. Dalam situasi ini, wakaf hanya boleh berkuat kuasa setakat satu pertiga harta pusaka si mati daripada baki bersih peninggalannya setelah menyelesaikan tolakan liabiliti yang berbangkit. Peruntukan baharu ini juga menyatakan cara wakaf berwasiat dibuat melibatkan ahli waris dan bukan ahli waris. Jelaslah bahawa penggubalan peruntukan seksyen 31 – 35 sangat diperlukan supaya pelaksanaan wakaf dapat dibuat dengan tepat, dan rinci selaras dengan hukum syarak.



KESIMPULAN

Penggubalan EWS 2015 sangat penting bukan setakat membuat penambahbaikan terhadap struktur ayat ataupun tambahan peruntukan baharu berbanding dengan peruntukan lama EWS 1999, namun penggubalannya amat menitikberatkan hukum syarak. Selain itu, pelibatan Perbadanan Wakaf Selangor yang signifikan sebagai wakil MAIS dalam pengurusan wakaf di Selangor telah peruntukkan secara jelas tentang kuasa dan tanggungjawab dalam EWS 2015. Kewujudan peruntukan ini menjadikan EWS 2015 sebagai satu statut wakaf yang mempunyai perbezaan, jika dibandingkan dengan statut yang berkaitan dengan wakaf di negeri lain di Malaysia. Terdapat peruntukan dalam EWS 2015 yang boleh diambil sebagai contoh oleh negeri lain yang ingin menggubal statut wakaf di negeri masing-masing, khususnya yang berkaitan dengan peruntukan yang menyentuh kebenaran yang diberikan oleh MAIS kepada pihak lain untuk menguruskan wakaf, termasuklah wakaf secara berwasiat dan *marad al-maut*. Penggubalan EWS 2015 ini diharap akan dapat memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusan wakaf di Selangor dan dapat dimanfaatkan oleh negeri lain.

RUJUKAN

- al-Khatib, Muhammad al-Sharbini (1958). *Mughni al-Muhtaj ila Ma`rifah Ma`ani Alfadz al-Minhaj* (Jilid 2). Egypt: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- al-Marghinani, Burhan al-Din Abi al-Hassan `Ali b. Abi Bakr b.`Abd al-Jalil al-Rushdani (t. th.). *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi* (Edisi Akhir) (Jilid 3). Egypt: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- al-Tarabulsi, Burhan al-Din Ibrahim b. Musa b. Abi Bakr ibn al-Shaykh `Ali (1981). *Al-Is`affi Ahkam al-Awqaf*. Beirut: Dar al-Rai`d al-`Arabi.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad (1997). *Ahkam al-Awqaf*. Amman: Dar `Ammar.
- ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad b. `Abd al-Wahid al-Siwasi al-Sakandri (1316). *Sharh Fath al-Qadir* (Jilid 5). Bulaq (Egypt): Al-Kubra al-Amiriyah.



RUJUKAN STATUT

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003).

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5).

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Enakmen 2).

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No. 7 Tahun 1999).

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15).

Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen 9).

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).

Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 (Sel. P. U. 8/2011).

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952).

RUJUKAN KES

Kes Mahdi bin Ab. Hamid *lwn* Mohamad Iqwan bin Yahaya (Kes Saman No. 10400-044-0171-2009).